

TEKS UCAPAN**BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN****NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS****PADA MAJLIS LIQA' MAWADDAH****BERSAMA DYT M RAJA MUDA PERLIS****DI MASJID BAN NUA HATYAI, THAILAND****21 Julai 2013****Bismillahirrahmanirrahim**

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia dan

Salam Perlis, 'Raja Ditaati, Rakyat Dirahmati, Negeri Disanjungi'**SALUTASI DIRAJA**

Menghadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Canselor Universiti Malaysia Perlis, dan

Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil merangkap Pro-Canselor Universiti Malaysia Perlis.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun.

Patik merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir ke majlis Liqa' Mawaddah yang julung kali diadakan di **Masjid Ban Nua, Hatyai Thailand** ini.

Keberangkatan hadir Tuanku bercemar duli membuktikan keprihatinan dan kasih sayang Duli Tuanku Berdua yang amat mendalam terhadap rakyat di rantau ini, sekaligus merapatkan lagi ikatan yang lebih akrab dan kukuh antara DYTM Tuanku Canselor dan komuniti Muslim di Hatyai ini khasnya.

Ampun Tuanku.

Mohon perkenan Tuanku untuk patik memulakan ucapan.

SALUTASI UCAPAN

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada sidang hadirin.
Ampun Tuanku.

Yang Berbahagia

Yang Berbahagia , Dato' Seri, Dato' – Dato' serta Dif-dif Kehormat

Mahasiswa-Mahasiswa UniMAP

Seterusnya Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

1. Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurniaNya, kita dapat berkumpul menjayakan majlis yang cukup bermakna ini.

Program LIQA' MAWADDAH

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Pada kemeriahkan Ramadan yang makin hampir ke pertengahan ini, saya amat berbangga dan amat berbesar hati dengan kesudian pihak komuniti Muslim di sini yang sanggup meluangkan masa dan tenaga bagi sama-sama menyempurkan objektif program Liqa' Mawaddah ini. Kehadiran warga UniMAP di sini adalah atas rasa tanggungjawab sosial kami terhadap masyarakat Muslim di rantau ini sekaligus dapat mengeratkan ukhwah silaturrahim antara warga UniMAP dan masyarakat Muslim di Hatyai. Aktiviti-aktiviti yang direncana sedikit sebanyak adalah perkongsian rasa tanggungjawab kami untuk komuniti Muslim di sini.
3. Untuk makluman semua warga Muslim di Hatyai, Universiti Malaysia Perlis atau UniMAP sudah 11 tahun ditubuhkan dan UniMAP merupakan antara universiti paling hampir dengan kawasan selatan Thailand. Alhamdulillah, pelbagai kejayaan telah ditempa sepanjang usia 11 tahun penubuhan ini dan

hal ini menjadikan UniMAP antara universiti terbaik dalam bidang kejuruteraan di Malaysia.

4. Justeru, saya mengalu-alukan kehadiran warga Thailand untuk datang belajar di UniMAP mahupun datang membuat lawatan di UniMAP sebagai salah satu cara melonjakkan semangat pelajar-pelajar di sini untuk terus berjaya satu hari nanti. Pusat Bahasa Antarabangsa melalui program International English Course (IEC) telah banyak membantu pelajar antarabangsa dalam persediaan mereka memulakan pengajian di peringkat Ijazah mahupun untuk berjaya dalam bidang kerjaya nanti. Kami sentiasa mengalu-alukan kehadiran pelajar antarabangsa dalam menonjolkan lagi keterlihatan antarabangsa UniMAP terutamanya di rantau ini.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program hari ini dan semoga program ini akan berterusan setiap tahun. Kemeriahan Ramadan seharusnya kita kongsi bersama untuk mengeratkan lagi silaturrahim terutamanya di rantau ini. Ramadan bulan penuh hikmah, Ramadan bulan penuh pengampunan dan Ramadan bulan yang penuh berkat. Sama-sama kita membantu kepada yang memerlukan dan sama-sama kita merebut peluang yang ada.

PENUTUP SALUTASI DIRAJA

Ampun Tuanku.

6. Sekian sahaja sembah ucapan patik. Sekali lagi patik mewakili sekalian yang hadir merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir pada program hari ini.

Sekian, **Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

Terima Kasih.